

INSTITUSI WAKAF vs TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID DI BRUNEI DARUSSALAM

Dr Hjh Mas Nooraini Hj Mohiddin
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Brunei Darussalam

masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

ABSTRAK

Institusi wakaf dan masjid saling berkait rapat dan seiring. Kerana pada kebiasannya masjid dibangunkan atas dasar wakaf dan tujuan khusus wakaf selalunya untuk kepentingan masjid. Di Negara Brunei Darussalam, semua urusan mengenai wakaf dikendalikan dan ditadbir oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) berdasarkan undang-undang yang termaktub dalam undang-undang Negara Brunei Darussalam iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dalam bab 98 dan 100. Sementara Tabung Dana Masjid di Brunei Darussalam peringkat kebangsaan baru sahaja dilancarkan 2 tahun lepas iaitu pada 4 Jun 2015. Tabung dana ini diwujudkan bertujuan untuk membina masjid yang baru, membaik pulih dan menambah bangunan masjid dan keperluannya, namun ianya tidak bermaksud mengambil alih peranan kerajaan dalam perkara membina dan mengurus masjid. Kaedah penulisan kertas kerja ini berpandukan kepada temubual dan rujukan sekunder melalui perpustakaan, buku, laman sesawang, artikel serta kertas kerja seminar. Kertas kerja ini akan meninjau peranan institusi wakaf serta hubungannya dengan tabung dana masjid yang baru dilaksanakan. Seterusnya, menilai sejauhmana institusi wakaf dapat membantu meringankan bebanan kerajaan dalam menyediakan pelbagai kemudahan termasuk penubuhan masjid-masjid. disamping itu juga akan menyentuh mengenai isu yang timbul. Kertas kerja ini diakhiri dengan mengutarakan beberapa cadangan bagi menambahbaikkan intitusi wakaf dan tabung dana bagi pembinaan masjid mengikut matlamat dan objektif tersendiri bagi kepentingan dan kesejahteraan masyarakat Islam.

Kata Kunci : *Wakaf, Tabung Dana Masjid, MUIB, Keagamaan Dan Masjid.*

Pendahuluan

Masjid dan wakaf saling berkait rapat dan seiring kerana apabila disebut wakaf pasti sudah terbayang di fikiran wakaf khusus untuk masjid atau untuk keperluan masjid. Lumrah dan menjadi kebiasaan di kalangan masyarakat Melayu masjid dibangunkan atas dasar wakaf dan tujuan khusus untuk kepentingan masjid. Sentimen keagamaan berkaitan rapat dengan amalan wakaf sedari dulu lagi di tambah lagi dengan kesan penjajahan mengakibatkan kepelbagaian nya terbatas.

Penubuhan Tabung Dana bagi pembinaan masjid merupakan satu alternatif untuk mengekalkan dan memelihara masjid sebagai lambang syiar Islam. Lebih-lebih lagi negara yang majoritinya masyarakat Islam, menjunjung Islam sebagai pegangan agama dengan matlamat menjadikan Negara Zikir yang menuju ke arah '*Baldatun Thayyibatun Wa Rabbun Ghafur*', sudah tentunya mengutamakan masjid sebagai sebuah institusi keagamaan yang tinggi.

Institusi wakaf yang telah lama di tubuhkan antara lain bertujuan untuk mentadbir dan menguruskan harta yang diwakafkan agar lebih teratur dan tersusun. Pengurusan dan pengelolaan wakaf yang baik akan menghasilkan pertumbuhan sektor sosial dan ekonomi masyarakat. Justeru wakaf yang dikelola secara baik, akan melahirkan masyarakat yang sejahtera. Sementara kewujudan tabung dana bagi pembinaan masjid adalah khusus bagi pembinaan bangunan baru, pemeliharaan serta semua tindakan yang melibatkan masjid. Terdapat hubung kait antara kedua filantropi ini

bilamana keduanya bersandarkan kepada sumbangan orang ramai dan keterangan selanjutnya akan di jelaskan dalam kajian ini.

Definisi

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, waqf memberi makna berhenti dari '*sakana*', menahan dari '*habasa*' (Akramah, 2008) dan menegah dari *mana'a* (Al-Sarakhsi, 1993). Wakaf dan '*habous*' memberi makna yang sama sebab itu di sesetengah negeri seperti di Moroko lebih popular dengan habas berbanding dengan wakaf seperti kementerian habas (Zuhaili, 1987). Walaupun Maghniyah (1997) mempertikaikan perbezaan di antara keduanya iaitu dalam konteks pemilikan di mana dalam wakaf, pemilik aset berakhir dengan perakuan wakaf sementara dalam habas pemilik masih berhak ke atas asetnya dan boleh di jual serta di warisi.

Kriteria penting dalam wakaf ialah menyerahkan aset bagi menghasilkan pendapatan yang kekal. Dan yang lebih penting hendaklah ia dilakukan bagi tujuan 'birr' iaitu kebaikan (Al-Shirazi, n.d). Wakaf juga dikenali sebagai salah satu sumbangan yang digalakkan dalam Islam. Walau bagaimanapun ia tidaklah terkenal dan popular seperti sedekah meskipun kedua-duanya berbentuk harus. Suatu perkara lumrah jika sumbangan untuk sekolah agama, sedekah untuk masjid, namun jarang sekali sekolah untuk orang istimewa, tempat perlindungan wanita di jadikan sebagai benefisiari wakaf.

Tabung dan dana memberi definisi yang serupa mengikut pengertian Kamus Dewan (1994) iaitu wang yang dikumpulkan dengan mengutip derma atau dengan cara lain untuk maksud tertentu atau kegunaan. Tabung Dana Pembinaan Masjid jelas menyatakan dana tersebut khusus untuk membina masjid sahaja. Tabung ini di wujudkan bagi tujuan membina masjid yang baru, membaik pulih, memelihara, menambah bangunan baru serta untuk menampung keperluannya. Di samping itu juga memberi peluang kepada orang Islam untuk menabung pahala kerana niat yang suci ini. Tabung lebih menjurus kepada pengumpulan dana bagi tujuan umum yang berbentuk filantropi seperti tabung dana anak-anak yatim dan tabung kebajikan. Sedangkan wakaf lebih menjurus kepada sentimen keagamaan jika di bandingkan keduanya meskipun pada dasarnya wakaf merangkumi kesemua aspek kebajikan namun realitinya adalah sebaliknya.

Kehebatan Institusi Wakaf

Kehebatan wakaf tidak dapat di pertikai kan lagi menurut catatan sejarah dan kronologi yang telah di lakarkan oleh banyak pengkaji kerana ia adalah institusi terpenting yang memberikan sumbangan besar kepada pembangunan insan, sosial masyarakat dan sosioekonomi.

Wakaf memainkan peranan dalam membangun insan kerana dengan mewakafkan harta yang di sayangi untuk kepentingan umum akan mendidik jiwa agar menjadi orang yang berjaya mengikis sikap bakhil dan kedekut dan menanam sifat pemurah, mengikir sifat mementingkan diri sendiri, menanam sifat timbang rasa, kasih sayang pada ummah, memperteguh kan persaudaraan Islam serta menanam sikap menjadikan harta sebagai jambatan yang akan menyampaikan kepada keredaan Allah SWT (Ramli, 2005). Wakaf mencerminkan kekuatan iman seseorang dalam mencintai Allah dan umatnya di atas kepentingan peribadinya, memandangkan orang yang berwakaf telah mengikhhlaskan harta terbaiknya berubah menjadi milik umat keseluruhannya (Syukriyah, 2012). Bahkan, sumbangan yang berbentuk sukarela ini mampu melahirkan masyarakat yang mandiri tanpa

bergantung sepenuhnya kepada pihak tertentu terutama sekali Kerajaan bagi menyediakan pelbagai fasiliti untuk kemudahan dan memenuhi keperluan masyarakat setempat.

Wakaf berpotensi mengukuhkan ekonomi orang Islam melalui mekanisme pengagihan harta jika ianya ditadbir secara efektif dan efisien (Gharaulhuddin, 1999). Terutama sekali dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk orang ramai untuk kebajikan ummah. Pelbagai jenis harta yang boleh di wakafkan selama mana ianya bernilai dan dapat diambil manfaat darinya 'berulang kali' (Kahf, 1999) sepertimana yang digariskan dalam syariah. Sama ada harta tersebut terdiri dari hak alih mahupun harta tak alih termasuklah binatang, kelengkapan peperangan, peralatan pertanian, buku dan juga wang tunai.

Institusi sosial masyarakat Islam seperti pendidikan atau madrasah dan masjid juga banyak di biyai oleh pendapatan harta wakaf. Pembiayaan ini meliputi perbelanjaan mengurus dan pembangunan institusi berkenaan seperti membina bangunan, mambayar gaji pekerja seperti guru, imam, muazzin dan sebagainya. Wakaf dilihat bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pengalihan semula kekayaan tetapi juga untuk memperkukuhkan keupayaan individu dan masyarakat yang memerlukan bantuan asas seperti modal pinjaman, rawatan hospital, makanan berkhasiat, keperluan infrastruktur dan sebagainya (Najibah dan Mohd Zamri, 2014).

Kemuncak kegemilangan amalan wakaf zaman silam adalah pada zaman Khalifah Uthmaniyah yang menggerakkan semua roda kehidupan pemerintahannya dengan menggunakan sistem wakaf demi kesejahteraan umatnya (Mohd Syukor *et.al.*, (2017) sepertimana yang di simpulkan oleh Razali (2005) adalah berikut :

'Seseorang dilahirkan dalam yang di wakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku-buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang di wakafkan, menerima gaji dari pentadbiran wakaf, dan akhirnya apabila mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf'.

Ini bermaksud wakaf memainkan peranan yang penting pada zaman kegemilangannya di mana wakaf bermanfaat dalam semua bidang dalam aspek kehidupan bermula dari lahir hinggalah ke liang lahad adalah bersumberkan kepada wakaf. Ini adalah terhasil daripada kuantiti aset wakaf serta kepelbagaian nya di per luaskan dan ini termasuklah penggunaan wakaf wang tunai. Oleh kerana meningkatnya penglibatan masyarakat dalam mewakafkan harta mereka, telah menarik perhatian negara untuk mengatur dan mengelolanya. Pengurusan dan pengelolaan wakaf yang baik akan berimplikasi tumbuhnya sektor sosial dan ekonomi masyarakat. Justeru wakaf yang dikelola secara baik, akan melahirkan masyarakat yang sejahtera (Noviasari, 2017).

Wakaf tunai memainkan peranan yang penting dalam sejarah kewangan di zaman pemerintahan Ottoman di Turki. Ia nya dapat dianggap sebagai institusi kewangan Islam yang terpenting pada zaman itu kerana menyediakan dana terutama sekali bagi yang memerlukan modal seperti usahawan dan juga orang awam. Institusi ini merupakan lambang kejayaan dan sumbangan yang terbesar oleh kerajaan Ottoman dalam ketamadunan Islam (Murat, 1996). Mewakafkan wang tunai merupakan satu cara yang paling mudah. Mudah bagi pihak pengurusan dan penggunaannya juga lebih pelbagai. (Osman, 2002) Mudah bagi pewakif kerana ia tidak perlu lagi berurusan dengan pihak tertentu selepas penyerahan wang tersebut berbanding dengan aset harta yang lain di mana pihak majlis akan meneliti dulu permohonan tersebut sebelum ianya dibenarkan seperti dalam kes wakaf tanah. Dalam hal ini pihak majlis akan memohon nasihat dari pihak-pihak yang terlibat seperti dari pejabat tanah, bahagian bangunan atau dari hal ehwal masjid jika berkaitan dengan pembinaan masjid.

Meskipun wakaf tunai merupakan satu salah jenis wakaf yang telah lama diperkenalkan, namun ianya baru berleluasa di kebanyakan Negara Islam seperti Malaysia dan Brunei. Malahan ianya semakin berkembang dan popular sejak kebelakangan ini. Realitinya tidak semua orang mampu memiliki aset hartanah. Akibatnya ramai masyarakat Islam kurang menyumbang untuk pembangunan wakaf disebabkan keterbatasan sumber dan ketiadaan peluang.

Untuk meningkatkan motivasi di kalangan masyarakat sekarang, wakaf tunai sangat bersesuaian dengan situasi semasa ditambah lagi dengan ketiadaan aset hartanah yang dimiliki. Memandangkan ianya boleh digunakan dalam pelbagai tujuan dan banyak peluang dalam pengurusan wakaf diperoleh dari wakaf tunai. Penggunaan wakaf tunai adalah sangat fleksibel di mana ianya boleh dilaburkan dalam pelbagai aktiviti perniagaan seperti projek pembinaan dan sebagainya. Kejayaan wakaf tunai dapat dilihat dari pengalaman Pertubuhan Islamic Relief yang berpusat di United Kingdom. Organisasi ini mengumpulkan dana melebihi £30 juta setahun melalui wakaf saham. Kumpulan dana ini disalurkan kepada 5 juta individu dari 25 buah negeri. Natiujahnya, ianya telah menyediakan sektor pekerjaan kepada 7,000 orang di Bosnia melalui program '*Income Generation Waqf*' dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di negara terbabit.

Peningkatan dalam wakaf tunai berbanding dengan aset lain adalah disebabkan beberapa faktor tertentu iaitu di antaranya ialah nilai hartanah yang semakin tinggi dan ianya hanya mampu dimiliki oleh orang tertentu sahaja. Berbanding dengan wang tunai yang memberi ruang kepada semua lapisan masyarakat untuk menyumbang bagi manfaat bersama.

Keagungan Masjid

Dalam sejarah perkembangan dakwah Rasulullah, masjid tidak hanya digunakan sebagai pusat ibadah yang bersifat khusus seperti ibadah tapi juga sebagai wadah bermacam kegiatan umat Islam. Sebab masjid melambangkan identiti umat Islam yang mencerminkan tata nilai keislaman nya. Perannya bukan sahaja tertumpu aktiviti bersifat akhirat bahkan juga duniawi (Mohammad dan Muhsin MK, 1996).

Masjid merupakan institusi keagamaan yang tinggi dan perlu dihormati. Ianya merupakan pusat perhimpunan yang menyatupadukan umat Islam sama ada untuk mengerjakan ibadah atau menimba ilmu demi kebaikan dan kesejahteraan kehidupan di dunia dan akhirat (Abdullah, 1984). Ianya juga merupakan institusi terpenting dalam membangunkan modal insan dan menjadi jambatan yang dapat memperkukuhkan ukhuwah, kesefahaman, kesatuan, keharmonian, keadilan, keilmuan dan syiar kepada umat Islam (Azhar *et.al.*, 2013).

Masjid yang makmur menunjukkan kemajuan umat di sekitarnya sedangkan masjid yang terlantar dan kurang terawat mengisyharkan tipis imannya dan kurangnya rasa tanggungjawab orang di sekitarnya (Mohammad dan Muhsin MK, 1996). Kejayaan sesebuah masjid itu bukan hanya di pandang kepada penjagaan bangunannya bahkan ianya sangat bergantung kepada sejauh manakah peranan dan fungsi yang dijalankan olehnya dalam usaha memakmurkannya dengan mengadakan pelbagai aktiviti berfaedah, menyediakan kemudahan dan prasarana yang lengkap dan selesa, lebih-lebih lagi setakat manakah sebuah masjid itu dapat menarik masyarakat Islam di sekelilingnya untuk beribadat dan menggunakan masjid tersebut untuk kebaikan dan kemaslahatan kepada ummah sekalian (Hj Ismail, 2004; Mohd Kamaru *et.al.*, 2014).

Catatan sejarah Islam menunjukkan bahawa Nabi Muhammad saw telah mengurus dan menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah, pusat pengukuhan ekonomi umat Islam, pusat pentadbiran negara, bertindak sebagai mahkamah untuk menjatuhkan hukuman, sebagai balai

pertemuan untuk musyawarah, pusat kebudayaan dan maklumat dan sebagainya (Zakaryya, 2010; Azhar *et,al*,2013).

Pembinaan masjid dari sudut konteks maqasid syariah sangat berguna untuk di fahami dan diselami. Salah satu konsep *jalbu masalih* (melaksanakan kemaslahatan) di dalam *maqasid* iaitu *hifz al-din* (pemeliharaan agama) sangat berkait rapat dengan pembinaan masjid. Jika di singkap kembali sejarah pembinaan masjid yang pertama di dalam Islam iaitu masjid Quba mencerminkan kebijaksanaan Rasulullah saw sebagai seorang pemimpin dalam memelihara kesucian Islam dan menyatukan ukhuwah sesama Muslim. Pembinaan Masjid Quba dan seterusnya masjid Nabawi membuktikan asas perpaduan dan pengukuhan Islam telah terbina sejak dahulu lagi. Ini merupakan salah satu daripada contoh *hifz al-din* yang menjadi teras kepada kesucian agama Islam dan untuk kemaslahatan umum (Mohd Kamarul *et.al*, 2014).

Wakaf & Masjid Tiada Terpisah

Masjid dan wakaf tidak dapat dipisahkan. Ini berdasarkan dasar sistem pengurusan Islam, di mana masjid merupakan institusi wakaf. Masjid dibangunkan oleh Kerajaan atau diwakafkan oleh individu tertentu kepada institusi kerajaan untuk diurus dan ditadbir (Hasan, 2008). Masjid merupakan pilihan utama bagi masyarakat Islam untuk berwakaf (Hassan and Shahid, 2010; Hj Mohiddin, 2015. Hussain, 1999, Jamil, 2007). Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Nagata (2002) yang mana kebanyakan sumbangan wakaf di Malaysia dan Indonesia terdiri dari tanah untuk kegunaan masjid, sekolah dan perkuburan.

Pembangunan masjid merupakan pilihan utama dalam berwakaf kerana masyarakat merasa lebih hampir kepada Allah dan merasa lebih patuh kepada ajaran Islam (Mahamood, 2006). Walau pun pada realitinya, semua jenis harta yang mampu menghasilkan pendapatan atau memberikan manfaat boleh dijadikan wakaf seperti tanah pertanian, tempat kediaman, pusat pengagihan makanan, bilik air dan sebagainya (Siddqi, 1991).

Wakaf dalam bentuk khusus kepada masjid dan surau sememangnya mempunyai faedah yang besar bagi tujuan menarik masyarakat Islam berjemaah memakmurkan masjid di samping berusaha untuk meningkatkan sifat takwa agar kecintaan terhadap nikmat dunia dapat dikurangkan. Tetapi wakaf untuk kegiatan umum sangat berpotensi untuk membangunkan kehidupan ekonomi umat Islam. Bahkan wakaf satu-satunya saluran yang pernah dirintis oleh Rasulullah dalam usaha memajukan ekonomi dan kerajaan Islam (Osman, 2002).

Salah satu penyebab institusi wakaf tidak dapat dibangunkan dengan sebaiknya ialah melibatkan perspektif masyarakat dan kesedaran mengenai potensi wakaf. Masyarakat Islam masih lagi berpegang teguh bahawa wakaf hanya dikhususkan untuk pembinaan masjid, kubur dan sekolah agama. Sedangkan pada hakikatnya berwakaf dibolehkan dalam semua bidang bukan hanya tertumpu bidang keagamaan sahaja. Keterbatasan pemikiran ini mengundang kepada keterbatasan pemegang amanah untuk melaksanakannya dengan lebih efisien. Bila mana masyarakat setempat berlumba-lumba untuk berwakaf masjid sedangkan di tempat berkenaan sudah terbina banyak masjid. Natiujahnya masjid tersebut tidak akan menerima ramai pengunjung dan akan lebih buruk lagi jika ianya berkesudahan dalam keadaan terbiar.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa pengaruh dan kesan penjajahan memainkan peranan yang besar dalam mengubah persepsi masyarakat bilamana wakaf yang dulunya menghasilkan pendapatan dan pelbagai aktiviti bermanfaat telah di bataskan kepada keagamaan. Perubahan inilah yang mempengaruhi sikap penyumbang dan sekali gus dalam mentadbir harta wakaf sehinggalah

ke hari ini. Natijahnya penyumbang kini masih mengekalkan kepercayaan bahawa wakaf hanya untuk keagamaan atau lebih tepat untuk masjid (Mohd Nor and Mohammad, n.d.).

Ini berdasarkan kepada sistem pengurusan Islam, di mana masjid merupakan institusi wakaf. Di mana masjid dan wakaf tidak dapat dipisahkan. Masjid dibangunkan oleh Kerajaan atau diwakafkan oleh individu tertentu kepada institusi kerajaan untuk diurus dan ditadbir (Hasan, 2008). Masjid merupakan pilihan utama bagi masyarakat Islam untuk berwakaf (Hassan and Shahid, 2010; Hj Mohiddin, 2015. Hussain, 1999, Jamil, 2007). Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Nagata (2002) yang mana kebanyakan sumbangan wakaf di Malaysia dan Indonesia terdiri dari tanah untuk kegunaan masjid, sekolah dan perkuburan. Kenyataan yang sama di per akui oleh Abd Karim (2010) di mana tujuan utama wakaf di Singapura ialah untuk pembangunan dan kelestarian masjid. Wakaf dalam bentuk khusus kepada masjid dan surau sememangnya mempunyai faedah yang besar bagi tujuan menarik masyarakat Islam berjemaah memakmurkan masjid di samping berusaha untuk meningkatkan sifat takwa agar kecintaan terhadap nikmat dunia dapat dikurangkan (Osman, 2002). Walau pun pada realitinya, semua jenis harta yang mampu menghasilkan pendapatan atau memberikan manfaat boleh dijadikan wakaf seperti tanah pertanian, tempat kediaman, pusat pengagihan makanan, bilik air dan sebagainya (Siddqi, 1991). Wakaf untuk kegiatan umum berpotensi tinggi untuk membangunkan kehidupan ekonomi umat Islam. Bahkan wakaf satu-satunya saluran yang pernah dirintis oleh Rasulullah dalam usaha memajukan ekonomi dan kerajaan Islam (Osman, 2002). Di tambah lagi dengan fungsi wakaf yang mampu mengambil alih status zakat dalam memenuhi keperluan dan kehendak penerimanya seperti orang yang fakir miskin (Hodgson, 1974). Sejak zaman dahulu lagi masyarakat Islam hanya menyumbang kepada membina masjid, surau dan sekolah agama tetapi mereka tidak terdedah dengan kefahaman bersedekah dan beramal jariah kepada pembangunan jenis wakaf yang lain. Justeru kebanyakan tanah wakaf tidak dapat dibangunkan dan masyarakat Islam tidak dapat manfaat dari kegiatan wakaf (Mohd. Salleh & Muhammad, 2008).

Fenomena ini telah menyebabkan masyarakat Islam tidak dapat memanfaatkan harta wakaf yang masih banyak belum dibangunkan, walaupun pada hakikatnya mereka mampu melakukannya (Bahari, 2012).

Institusi Wakaf DI Brunei Darussalam

Di Negara Brunei Darussalam, segala urusan mengenai wakaf adalah dikendalikan dan ditadbir oleh Majlis Ugama Islam iaitu berdasarkan peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dalam bab 100. Akta tersebut telah memperuntukkan bahawa Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas. Bagi tujuan tersebut satu jabatan telah diwujudkan yang menguruskan dan bertanggungjawab mengenai hal ehwal Baitul Mal dan harta wakaf iaitu bahagian Baitul Mal dan Wakaf. Walau bagaimanapun harta-harta wakaf yang ada meskipun di majukan untuk pelaburan, namun bukan bertujuan untuk mengembangkan harta wakaf tetapi lebih kepada penambahan Kumpulan Wang Pentadbiran Am bagi kepentingan umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Seperti tanah wakaf Lot 11613 dan Lot 11106, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam telah dibangunkan di atasnya rumah pangsa dan rumah kedai untuk disewa. Bangunan tersebut telah memberikan pendapatan sewa kepada Majlis Ugama Islam pada setiap bulan. Hasil pelaburan tersebut telah digunakan bagi kegunaan kebajikan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam. Hakikatnya tiada pendapatan yang di masukkan ke dalam tabung khusus bagi Kumpulan Wang Wakaf yang sewajarnya menerima imbalan nya. Pelaksanaan ini berlawanan dengan Akta Majlis Agama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 bab 98.

Semua harta benda, pelaburan dan Kumpulan wang termasuk Kumpulan Wang sebelum ini yang menjadi Kumpulan Wang Agama Islam , yang diberikan dari masa ke semasa dalam majlis bagi maksud- maksud Akta ini, selain daripada harta benda yang dipegang, menurut syarat-syarat Akta ini atau mana-mana amanah, wakaf atau nazar yang menyentuh syarat-syarat Akta ini atau mana-mana amanah bagi maksud tertentu atau tertakluk kepada amanah yang dinyatakan dengan tertentu, bersama dengan pendapatan daripadanya hendaklah menjadi Kumpulan Wang Wakaf Am Majlis.....

Secara ringkasnya Majlis Ugama Islam Brunei mempunyai 3 tabung atau Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Zakat, Kumpulan Wang Pentadbiran Am dan Kumpulan Wang Wakaf. Namun malangnya Kumpulan Wang Wakaf hanya bergantung kepada sumbangan orang ramai iaitu melalui wakaf tunai sedangkan aset hartanah wakaf yang lain tidak menyalurkan pendapatan. Di sinilah hubung kait antara institusi wakaf dan tabung dana yang menggunakan wakaf tunai sebagai sumber utama dalam pelaksanaan aktiviti atau projek tertentu.

Secara umumnya wakaf tunai yang diterima melalui dua saluran iaitu Jabatan Majlis Ugama Islam dan Masjid. Bagi perwakafan wang tunai yang diserahkan terus ke Jabatan Majlis Ugama Islam haruslah melalui proses tertentu. Bagi yang berhasrat untuk menyumbang hendaklah datang terus ke Bahagian Wakaf dan Baitul Mal di Jabatan Majlis Ugama Islam. Yang jelas wakaf wang tunai setakat ini hanya disimpan ke dalam institusi kewangan Islam untuk memperolehi pulangan minimal dan tidak disalurkan ke dalam aktiviti-aktiviti perniagaan atau pelaburan untuk meraih keuntungan semaksima mungkin. Akibatnya, dana yang ada tidak dapat dikembangkan dan manfaat yang ditujukan untuk kepentingan umum hanya terbatas kerana tiada aliran kemasukan dana.

Pihak Majlis juga telah memberi kuasa dan kebenaran kepada Jawatankuasa Masjid bagi mengadakan tabung khairat kebajikan masjid. Jika penyumbang menyerahkan wang tunai ke masjid-masjid tertentu tanpa menyatakan maksud wakaf, maka sumbangan tersebut akan dimasukkan ke dalam tabung khairat kebajikan. Hasil sumbangan dari orang ramai cuma disimpan ke dalam akaun biasa tanpa ada perancangan untuk mengembangkan dana tersebut. Akibatnya ada sesetengah masjid yang hanya gag pada pandangan mata namun kurang tabung dana.¹

Namun apa yang berlaku di Brunei, terdapat halangan lain yang menyebabkan pembekuan dana. Setakat ini belum ada akta tertentu untuk pentadbiran dan pengurusan masjid-masjid tempatan. Namun cara pentadbirannya bersumberkan garis panduan yang telah lama di cipta. Halangan untuk mengembangkan dana masjid, ada disebutkan di dalam garis panduan berkenaan. Dalam garis panduan itu menjelaskan wang masjid tidak boleh digunakan sebagai modal untuk diperdagangkan atau dilaburkan bagi membuat rumah-rumah sewa dan seumpamanya².

Terdapat dua sumber dana wakaf yang diterima oleh masjid tempatan, scenario yang sama juga berlaku di Malaysia: iaitu peruntukan dari kerajaan dan sumbangan orang ramai (Maliah, 20017). Keseluruhan masjid adalah ditadbir oleh Kerajaan di bawah Jabatan Hal Ehwal Masjid. Pada dasarnya Kerajaan yang menanggung segala kos penyelenggaraan masjid, namun bukan pada keseluruhannya. Memandangkan setiap peruntukan tersebut mengikut giliran masjid-masjid yang terdapat di Brunei, sehingga ada sesetengah masjid terpaksa menunggu sehingga 3 tahun bagi mendapatkan peruntukan tersebut. Dalam tempoh ini, masjid bergantung sepenuhnya kepada sumbangan orang

¹ Keterangan yang diperolehi hasil dari temubual bersama Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid. Sebagai contoh Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin iaitu salah satu landmark kota Bandar Seri Begawan dan tarikan pelancong.

² Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, (n.d) Cara-Cara Melaksanakan Peraturan Kewangan Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam, 1408/1988.

ramai untuk menanggung kos perbelanjaan tersebut seperti pembelian alat hawa dingin dan juga kos pembersihan kawasan masjid³.

Jika semua sumbangan dan harta yang diwakafkan melalui masjid digabungkan dan digerakkan dalam aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang menguntungkan masjid, nescaya kebergantungan terhadap kerajaan dan orang ramai akan dapat dikurangkan.

Fungsi Tabung dana bagi pembinaan Masjid

Bertitik tolak dari pembekuan tabung-tabung khairat yang diletakkan di masjid-masjid, mengakibatkan tiada aliran kemasukan wang ke dalam tabung secara konsisten. Sumber pendapatan tidak rasmi ini tidak dapat digunakan untuk menjana pendapatan tetap masjid berdasarkan kepada garis panduan Jabatan Hal Ehwal Masjid 1988 yang melarang duit tabung berkenaan dilaburkan dan diperdagangkan seperti yang telah dinyatakan.

Hasil sumbangan dari orang ramai cuma disimpan ke dalam akaun biasa tanpa ada perancangan untuk mengembangkan dana tersebut. Akibatnya ada sesetengah masjid yang hanya gah pada pandangan mata namun kurang tabung dana.⁴ Senario yang sama berlaku di Malaysia seperti mana yang telah diungkapkan melalui kajian Jaafar *et al.*, (2001) iaitu kebanyakan masjid-masjid di Malaysia menyimpan beku dana yang disumbangkan oleh masyarakat awam dan tidak digunakan secara aktif untuk membeli aset walaupun jawatankuasa masjid itu dapat menjangkakan bahawa jumlah sumbangan derma yang hampir sama akan terus diterima pada tahun-tahun yang akan datang. Sumber kewangan ini kurang disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang lebih menguntungkan kepada masjid dan ahli masyarakat setempat. Dengan lain pengertian, masjid dikatakan cenderung menyimpan sumbangan dana yang diterimanya ke dalam institusi bank untuk memperoleh pulangan yang minimal.

Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid diwujudkan bagi tujuan untuk membina masjid yang baru, membaik pulih dan menambah bangunan masjid dan keperluannya serta memberi peluang kepada orang Islam untuk menabung pahala bagi membina masjid. Walau bagaimanapun, peranan kerajaan dalam perkara membina dan mengurus masjid masih lagi dikekalkan (Junaidi, 2015).

Di awal penubuhan Tabung ini akan menggunakan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi penggal 77, serta satu jawatankuasa akan dilantik. Perintah Tabung Dana bagi Pembinaan masjid akan digunakan setelah siap sedia dan akan ditubuhkan satu Lembaga Pemegang Amanah bagi menggantikan jawatankuasa berkenaan. Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diamanahkan untuk menjadi Urusetia bagi Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid, Negara Brunei Darussalam.⁵

Akta yang diguna pakai setakat ini ialah Bab 38 mengenai kuasa Majlis melantik jawatankuasa pengutipan dan pengeluaran Tabung Dana. Dan dalam Bab 120 (1) Majlis atau Imam atau Amil menurut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengeluarkan satu resit bagi setiap pembayaran zakat atau fitrah, sama ada dengan tunai atau barang-barang. Dalam Bab 122 (1) Majlis boleh

³ Temubual bersama Pg Alizah Pg Hj Tahir, Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid pada 25 April 2015.

⁴ Keterangan yang diperolehi hasil dari temubual bersama Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid. Sebagai contoh Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin iaitu salah satu landmark kota Bandar Seri Begawan dan tarikan pelancong.

⁵ Bahagian Idarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (2015) Kertas Kerja Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam.

mengutip, atau boleh memberi lesen-lesen kepada sesiapa saja atau kumpulan orang, yang memberi kuasa kepadanya atau mereka untuk mengutip, wang atau tabung bantuan bagi apa jua maksud khairat untuk menyokong dan mengembangkan ugama Islam atau untuk faedah orang-orang Islam menurut hukum syarak.

Mekanisme kutipan Tabung Dana bagi pembinaan masjid ini dilakukan secara sukarela dengan melaksanakan kaedah-kaedah kutipan secara berikut seperti pemotongan wang melalui arahan tetap kepada bank, melalui kemasukan terus ke Akaun Tabung Dana bagi pembinaan masjid, menyerahkan terus ke Jabatan Hal Ehwal Masjid, peletakan tabung-tabung dana di tempat-tempat tertentu, perkhidmatan SMS dan pembelian kupon. Setelah 3 bulan Tabung ini dilancarkan, kaedah kutipan secara pemotongan gaji akan mula dilaksanakan. Kutipan melalui pemotongan gaji akan dibuat bagi kakitangan Kerajaan dan *Government Linked Companies*⁶ sahaja. Jumlah minima bagi sumbangan tersebut ialah \$2 dan tiada had maksimum ditentukan.

Secara umumnya, kebanyakan hasil wakaf di sumbangkan untuk masjid dan diikuti dengan pendidikan keagamaan (Hassan dan Sahahid, 2010). Namun pada hakikatnya amal jariah wakaf tidak semestinya menjurus atau dalam lingkungan ibadah yang khusus saja bahkan ianya merangkumi dalam bidang yang lain seperti sosioekonomi, perubatan, pendidikan, perniagaan, pengajian dan sebagainya (Osman, 2002; Abdul Azim, 1996).

Isu dan Cadangan

Kemunculan tabung dana ini pada hakikatnya mendatangkan impak yang positif dalam pembangunan syair Islam, bila mana penubuhan masjid dan pemuliharaan nya lebih teratur dan kemas kerana peruntukan yang sedia ada. Dari sudut yang lain ianya memberi sedikit kesan kepada institusi wakaf kerana sejak penubuhan tabung dana dilancarkan, institusi wakaf tidak lagi menerima wakaf tunai dari orang ramai⁷ yang merupakan aset yang sangat popular sebelum ini. Masyarakat lebih suka menghulurkan derma atau sumbangan ke tabung berkenaan disebabkan beberapa cara dan proses derma lebih mudah dan jelas dan tidak perlu melalui pelbagai prosedur. Ini terbukti melalui perolehan dana yang tersimpan di dalam bank sejak ianya ditubuhkan berjumlah \$2,003,749.59 yang bermula dari Jun 2015-Feb 2016. Dan melalui potongan gaji pula sebanyak \$152,805.22 bermula dari Julai 2015-Feb 2016⁸. Maklumat terkini mengenai jumlah yang diperolehi dari tabung dana adalah di rahsiakan dan tidak dibenarkan untuk dihebahkan. Namun yang pasti, jumlahnya semakin meningkat dari hari ke sehari⁹.

Sokongan dan respon yang memberangsangkan ini, membuktikan masyarakat Islam di Brunei amat prihatin dan berlumba-lumba untuk menyumbang demi meraih dan memperolehi rumah yang kekal di syurga kelak¹⁰.

Walau bagaimanapun, dari sudut yang lain, jika perkara ini berlarutan kemungkinan masyarakat tidak akan mengenal wakaf tunai secara meluas dan institusi wakaf juga hanya akan terikat dengan wakaf aset sahaja. Realitinya keperluan kepada wakaf tunai semakin meningkat disebabkan

⁶ Seperti DST Sendirian Bhd, RBA Sdn. Bhd.

⁷ Temu bual bersama Adly Kashfullah Hj Mohd Ja'apar, pegawai Agama bahagian Baitulmal dan Wakaf, Kementerian Hal Ehwal Agama pada 10 Mac 2016.

⁸ Temu bual bersama Muhammad Mu'izz Hj Abd Razak, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid pada 10 Mac 2016.

⁹ Temu bual dengan salah seorang pegawai Hal Ehwal Masjid pada 22 November 2017.

¹⁰ Hadis Riwayat Bukhari, Rasulullah saw bersabda maksudnya : Barang siapa yang membangun masjid kerana Allah, maka Allah akan membina rumahnya dalam syurga.

fungsinya yang lebih fleksibel dan lebih sesuai dengan kehendak masa kini. Di tambah lagi dengan tahap kesedaran masyarakat Islam terhadap fungsi sebenar wakaf adalah kurang akan turut memburukkan lagi keadaan. Kemungkinan ini terjadi disebabkan wakaf hanyalah perkara sunat sahaja dan bukan wajib yang mengakibatkan ia nya kurang popular dibandingkan dengan sedekah (Ahmad, 2008; Sayin *et al.*, 2011, Jamil 2007).

Pembahagian antara tabung untuk pembinaan masjid dengan kepentingan dalam bidang yang lainnya mungkin akan dapat meningkatkan pentadbiran sesebuah agensi secara berasingan dengan lebih efektif dan efisien. Seperti institusi wakaf mungkin dikhususkan atau diutamakan untuk kepentingan lain dalam semua bidang selain masjid dan tabung dana sendiri fokus kepada pembangunan masjid sahaja. Institusi wakaf perlu di kembangkan untuk sama-sama bersaing membangunkan masyarakat Islam bukan sahaja dari sudut keagamaan bahkan pembangunan insaniah agar sejajar dengan perkembangan semasa. Kewujudan tabung dana bagi pembinaan masjid ini meski pun sedikit sebanyak menggugat institusi wakaf, namun ianya perlulah dianggap sebagai pesaing hebat yang menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan institusi wakaf yang pernah di gapai suatu ketika dulu. Usaha untuk mengukuhkan status wakaf perlulah berterusan melalui pelbagai cara di antaranya ialah mempelbagaikan instrumen wakaf dalam wajah yang baru.

Di samping itu juga terdapat kenyataan yang menyatakan bahawa penubuhan tabung ini adalah berbeza dan tidak sama dengan istilah wakaf, justeru itu di gunakan istilah sumbangan tabung dana. Pada hakikatnya, sumbangan boleh saja dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk material, tenaga atau masa. Sesuai dengan takrifan Kamus Dewan (2007) sebagai sesuatu yang diberikan sebagai bantuan, sokongan atau pertolongan. Sumbangan adalah lebih menyeluruh jika dibandingkan dengan sedekah. Sedekah merupakan sebahagian daripada sumbangan dan ia lebih fokus kepada keagamaan tetapi sumbangan kadang-kadang tidak ada kaitan dengan aktiviti keagamaan (Hj Mohiddin, 2015).

Menurut Yayasan Wakaf Kuwait (2010) wakaf di kenali juga sebagai sumbangan yang mempunyai matlamat yang sama. Namun ia boleh dibezakan seperti pemberian, sedekah, pinjaman dan wasiat. Dalam erti kata yang lain wakaf ialah sumbangan yang mengekalkan asetnya dengan tidak membolehkan ia di jual atau ditukar. Di samping itu ia juga boleh menghasilkan pendapatan dengan mengikut kehendak pewakaf. Pengertian ini lebih komprehensif dan sesuai dengan situasi semasa tanpa mengabaikan kepentingan umum, meskipun kepentingan umat Islam merupakan suatu keutamaan.

Tiada kenyataan yang jelas atau sahih mengenai kedudukan wakaf tunai adakah di bolehkan atau tidak meskipun mengikut pendapat mazhab shafie yang mashur tidak membenarkan wakaf tunai. Namun masih ada ruang perbalahan atau pendapat mengenai keharusannya di kalangan mazhab shafie¹¹ seperti yang di jelaskan dalam Kitab Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab (t.t; Raudah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin, 1991) . Hakikatnya amalan ini telah lama dilakukan dari dulu lagi merujuk kepada statistik kutipan wakaf wang tunai yang di catatkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei iaitu dari tahun 1989. Setelah tabung dana Pembinaan Majsid di istyiharkan iaitu pada bulan Jun 2015, Majlis tidak menerima sebarang wakaf tunai hinggalah pada Januari 2017 iaitu setelah hampir 2 tahun. Walau bagaimanapun, wakaf wang tunai yang diterima pada awal tahun ini masih mengekalkan pembinaan masjid sebagai tujuan utama wakaf tersebut di salurkan. Mengikut catatan statistik terkini wakaf tunai yang di terima oleh Majlis bermula dari tahun 1989 hinggalah Oktober 2017 ialah berjumlah \$3,923,229.28¹²

¹¹ Berlaku berlainan pendapat dalam mazhab shafie berkaitan dengan wakaf tunai atau wakaf dirham dan dinar.

¹² Sumber dari Majlis Ugama Islam Brunei

Masyarakat yang menyumbang tidak secara langsung sebetulnya telah berwakaf kerana dalam syarat wakaf hendaklah di lafazkan dengan niat wakaf atau sesuatu yang menunjukkan bagi manfaat selamanya. Kerana sukarela dan dengan kerelaan hati merupakan syarat sahnya transaksi dalam Islam. Dan sumbangan ini adalah secara sukarela bukannya secara paksaan seperti yang berlaku di Singapura. Sama ada mahu atau tidak masyarakat minoriti Islam terpaksa menghadapi potongan gaji setiap bulan bagi tujuan memelihara kepentingan agama termasuklah dalam urusan masjid.

Tidak hairanlah jika di Singapura tidak kelihatan kotak tabung di letakkan di masjid-masjid memandangkan kepada pengurusan wakaf yang berjaya di tadbir oleh Majlis. Hasil pengurusan wakaf MUIS telah memperoleh surplus \$3 juta dan 60% darinya di salurkan ke 69 masjid (Alaidin dan Wali, 2016). Pengurusan wakaf dan masjid yang dilaksanakan oleh Singapura patut menjadi teladan dan ikutan kerana pemeliharaan masjid bergantung kepada dana wakaf yang disalurkan secara teratur bukan melalui kotak tabung yang diletakkan di masjid-masjid. Secara tidak langsung menunjukkan bahawa dana wakaf sudah mencukupi untuk menampung keperluan masjid. Berbanding dengan situasi masjid di Brunei di mana terdapat masjid yang dibangunkan namun kurang di beri perhatian dalam urusan pemeliharaan di sebabkan kebergantungan sepenuhnya kepada peruntukan kerajaan untuk menyediakannya. Hasil kutipan tabung yang ada di masjid-masjid pun tidak boleh diperniagakan dan hanya di letakan ke dalam akaun simpanan bank yang hanya memperoleh keuntungan yang minimum sahaja.

Persoalannya wakaf tunai yang sebelum ini di amalkan telah terhenti dengan kewujudan tabung dana. Walau bagaimana pun masih ada yang menyumbang wakaf tunai untuk pembinaan masjid dan bukan di sumbangkan kepada tabung dana berlaku awal tahun ini sedangkan sudah jelas dan nyata terdapat tabung dana bagi pembinaan masjid yang sudah beroperasi lebih 2 tahun. Oleh kerana kekangan ruang dan masa penulisan, kajian yang lebih mendalam perlu di buat bagi memastikan akan keberlangsungan dua filatropi ini, kerana kedua-duanya ada matlamat tersendiri bagi kepentingan dan kesejahteraan masyarakat Islam.

Penutup

Institusi wakaf dan masjid saling berkait rapat dan seiring dan tidak dapat dipisahkan. Ini berdasarkan dasar sistem pengurusan Islam, di mana masjid merupakan institusi wakaf. Dan pada kebiasannya masjid dibangunkan atas dasar wakaf dan tujuan khusus wakaf selalunya untuk kepentingan masjid. Kemunculan tabung dana ini pada hakikatnya mendatangkan impak yang positif dalam pembangunan syair Islam, bila mana penubuhan masjid dan pemuliharaan nya lebih teratur dan kemas kerana peruntukan yang sedia ada. Dari sudut yang lain ianya memberi sedikit kesan kepada institusi wakaf kerana sejak penubuhan tabung dana dilancarkan, institusi wakaf tidak lagi menerima wakaf tunai dari orang ramai¹³ yang merupakan aset yang sangat popular sebelum ini. Walau bagaimanapun, penerima wakaf tunai hanya aktif semula pada awal tahun ini dengan mengekalkan masjid sebagai matlamat utama. Pembahagian antara tabung untuk pembinaan masjid dengan kepentingan dalam bidang yang lainnya mungkin akan dapat meningkatkan pentadbiran sesebuah agensi secara berasingan dengan lebih efektif dan efisien. Seperti institusi wakaf mungkin dikhususkan atau diutamakan untuk kepentingan lain dalam semua bidang selain masjid dan tabung dana sendiri fokus kepada pembangunan masjid sahaja. Institusi wakaf perlu di kembangkan untuk sama-sama bersaing membangunkan masyarakat Islam bukan sahaja dari sudut keagamaan bahkan pembangunan insaniah agar sejajar dengan perkembangan semasa. Kajian yang lebih mendalam perlu di laksanakan bagi mengenal pasti sebarang pertindihan atau pertembungan fungsi dan peranan di samping melihat sejauh mana perspektif masyarakat mengenainya.

¹³ Temu bual bersama Adly Kashfullah Hj Mohd Ja'apar, pegawai Agama bahagian Baitulmal dan Wakaf, Kementerian Hal Ehwal Agama pada 10 Mac 2016.

Bibliografi

- Abdul Karim, Shamsiah. (2010). *Contemporary Shariah Structuring for the Development and Management of Waqf Assets in Singapore*. University of Durham.
- Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Syaraf al-Nawawi (t.t) *Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*. Jld 15. Dar al-Fikr.
- Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Syaraf al-Nawawi (1991) *Raudhah al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Tahqiq Zahir al-Syawisyi. ed.3. Jld 5. Beirut, Al-Maktabah al-Islami.
- Akramah, Said Sabri. (2008). *Al-Waqf Al-Islami baina Al-Nazariyat wa Al-Tatbiq*. Jordan: Dar Al-Nafais.
- Alaiddin, Koto. & Wali, Saputra. (2016) Wakkaf Produktif Di Negara Sekular: Kasus Singapura dan Thailand. *Sosial Budaya*, Vol 13 (2). <https://media.neliti.com/media/publications/164547-ID-wakaf-produktif-di-negara-sekuler-kasus.pdf>. Akses pada 7 November 2017.
- Al-Sarakhsi, Mohammad b. Ahmad b. Abi Sahal. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar Al-Ma'rifat.
- Al-Shirazi, Abu Ishak Ibrahim b. Ali b. Yusuf. (n.d.). *Al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Islami*. Dar Al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Gharaulhuddin, Din (1999) Dinamisme Syariah Kepada Penyusunan Ekonomi Semasa Dengan Menggerakkan Harta dan Dana Sadaqah. In: N.Mustapha, Hj N.Hassan.,Sh Mohd Saifuddeen, Sh Mohd Salleh., Hamiza, Ibrahim. *Globalisasi Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Haji Mohiddin, Hjh Mas Nooraini (2015) *Waqf Devepoment in Malaysia and Singapore: A Comparative Study*. Tesis Phd Durham University, United Kingdom.
- Hassan, Bahrom (2008) *Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah*, dalam Mohd Ismail, Mustari dan Kamarul Azmi, Jasmi (ed.), Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, hlm 82.
- Hassan, Abul. and Shahid, M. A. (2010). Management And Development Of The Awqaf Assets. *Seven International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy* (pp. 309–328). Bangi: Institute Of Islam Hadhari, UKM.
- Jaafar, Ahmad, Sanep, Ahmad, Mariani, Ab.Majid & Hairunnizam, Wahid (2001) Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. *National Workshop on Capacity Buidling Towards Excellance in Econ. Research & Policy Formulation di UUM*, 23-24 April 2001
- Jamil (2007) Wakaf Produktif Dalam Perspektif Masyarakat Kota Metro. *Jurnal TAPIS*. Vol 7 (1), hlm 15-33.
- Kahf, M. (2011). Waqf and its Sociopolitical Aspects. In S. M. Kahf, Monzer and Mahamood (Ed.), *Essential Readings in Contemporary Waqf Issues* (pp. 15–58). Kuala Lumpur: CERT Publisher Sdn Bhd.
- Kamus Dewan (1994)Edisi Ketiga. Hajah Noresah, Baharom (ed.) Edisi Ketiga. Selangor, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Maghniyah, M. J. (1997). *Waqf, Hajr and Wasaya According to Five Schools of Islamic Law*. Tehran: department of Translation and Publication Islamic Culture and Relations Organization.
- Maliah, Sulaiman (2007) *The Internal Control Procedures of Mosques in Malaysia*, *Blumenau* 3(2), 101-115.

- Mohd. Salleh, Sohaimi & Muhammad, Syarqawi (2008). Wakaf Development in Malaysia: Issues and Challenges. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2(1).Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Mohd Sharudin, Shakrani, Mohd Saifoul, Zamzuri Noor & Jamal, Ali. (2003) Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Vol 11 (2). hlm 73-98. http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/6697/Tinjauan%20isu-isu%20Yang%20Membataskan%20Penggunaan%20Wakaf%20Dalam%20Pembangunan%20Ummah%20di%20Malaysia.pdf. Akses pada 5 November 2017.
- Mohd Syukor, Mohd Taib., Wan Kamal, Mujani., Noor Inayah, Yaakub. & Mohamad Khairul, Izwan Rifin. (2017) Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Suatu Pengenalan. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia*. UKM, Bangi & Princess of Naradhiwasi University, Thailand. Hlm 389-395.
- Muhammad, Ali Hashim. (2012). Wakaf Amalan Bukan Untuk Mati Sahaja. Sinar Online. <http://www.sinarharian.com.my/wakaf-bukan-amalan-untuk-mati-sahaja-1.64761>. Akses pada 19 November 2017.
- Muhammad, Ali Hashim. (2013). Halal, Wakaf Perkasa Ekonomi. Sinar Harian. <http://www.sinarharian.com.my/halal-wakaf-perkasa-ekonomi-1.193164>. Akses pada 24 Februari 2014.
- Murat, Cizakca (1996) The Relevance of The Ottoman Cash Waqfs (Awqaf Al-Nuqud) for Modern Islamic Economics. In: M.A.Mannan (ed) Seminar Proceeding Series –No 30: Financing Development In Islam. Islamic Research and Training Institute Islamic Development Bank, Jeddah, 393-414.
- Najibah, Mustafa & Mohd Zamro, Muda. (2014) Pengurusan Wakaf Pendidikan di INstitusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilization Studies*. UTM Press.
- Noviasari. (2017) *Analisis Wakaf Tunai Menurut Imam Hanafi dan Syafi*. Tesis UIN Sultan Maulana Hasanudin Banten. <http://repository.uinbanten.ac.id/1232/>. Akses pada 24 November 2017.
- Osman, Sabran. (2002) Pengurusan Harta Wakaf. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Ramli, Abdul Halim (2005). *Islam Hadhdari: Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Waqaf di Malaysia*. UPENA UITM.
- Razali, Othman. (2005) The Influences of Colonisation on the Perception and Practices of Wakaf. *Jurnal IKIM*. Kuala Lumpur, IKIM.
- Siddiqi, M. N. (1991). The Role of Voluntary Sector in Islam. In M. Ariff (Ed.), *The Islamic Voluntary Sector in Southeast Asia* (pp. 6–30). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Syukriyah, Kiky (2012). *Paper Wakaf Di Singapura Fixed*. <http://www.scribd.com/doc/95040481/Paper-Wakaf-Di-Singapura-Fixed>.
- Zuhaili, W. (1987). *Al-Wasaya wa Al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Damascus: Dar al-Fikr.